


OBOR BELIA

BUKU 11

TINJAUAN PERJANJIAN LAMA (BAHAGIAN II)



Penerbitan Kristian

OBOR BELIA

Penulis: Evelyn Tan Hwee Yong

Hwee Yong telah lama berkecimpung dalam penulisan dan penterjemahan, dan telah menulis banyak buku dalam Bahasa Malaysia. Dia memperoleh M.A. Theology dari South East Asia Bible College, dan M. Human Sc. dari Universiti Islam Antarabangsa.

Penyunting: Randy Singkee

Randy banyak terlibat dalam penulisan dan penterjemahan sejak tahun 1993. Dia memperoleh B.A. (Hons) dari Universiti Malaya dan M.Sc. dalam bidang Geographical Information Systems (GIS) dari University of Edinburgh, UK.

Cetakan Pertama: Julai 2010

Penerbit : Wawasan Penabur Sdn. Bhd.
wawasan.penabur@gmail.com
Pencetak : Akitiara Corporation Sdn. Bhd.
Kulit Buku : Randy Singkee
Artis Ilustrasi : Matthew Sze

Petikan Alkitab diambil dari

Alkitab Berita Baik © 1996, Bible Society of Malaysia
Alkitab Terjemahan Baru © 1974, Lembaga Alkitab Indonesia

Hakcipta © 2010 Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Isi Kandungan

1	Sebelum Anda Bermula
4	Mukadimah: Tinjauan Perjanjian Lama (Bahagian II)

Lembar Kerja

6	Sesi 1: Cerita Para Nabi
12	Sesi 2: Amos : Nabi Penghukuman & Pengharapan
16	Sesi 3: Yunus : Nabi Ditelan Ikan Besar
20	Sesi 4: Hosea : Nabi Yang Setia
24	Sesi 5: Yehezkiel : Nabi Penglihatan Misterius
30	Sesi 6: Yeremia : Nabi Peratap
36	Sesi 7: Yesaya : Nabi Injili
40	Sesi 8: Dari Hati Hingga Ke Minda

Panduan Pembimbing

47	Sesi 1
51	Sesi 2
53	Sesi 3
56	Sesi 4
58	Sesi 5
62	Sesi 6
65	Sesi 7
67	Sesi 8

Sebelum Anda Bermula...

Memperkenalkan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dituliskan sebab:

- Para belia dan muda-mudi masih mencari program yang lebih berkesan dan yang dapat memenuhi keperluan mereka.
- Para belia dan muda-mudi masih kekurangan pembelajaran sistematik yang dapat meletakkan dasar iman teguh di tengah-tengah tekanan kehidupan moden ini.
- Kebanyakan buku pemuridan tidak dituliskan menurut konteks dan masalah-masalah yang dihadapi oleh belia dan muda-mudi yang hidup sebagai umat Tuhan di negara ini.

OBOR BELIA merupakan kurikulum yang memuat kaedah-kaedah kreatif dan praktikal agar Injil dapat disampaikan sesuai dengan keperluan para belia dan muda-mudi zaman sekarang. Kurikulum ini diolah untuk generasi muda Tubuh Kristus supaya mereka mengenal iman mereka secara mendalam dan hidup setia sebagai umat Tuhan di negara ini. Kurikulum ini akan memberi anda peluang untuk berbincang, bertukaran pendapat, berdoa bersama, belajar daripada satu sama lain, dan berseronok bersama. Setelah mempelajari kurikulum ini, anda akan mengetahui bahawa menjadi seorang Kristian memang relevan, mencabar, teruja dan anda akan menemui apa yang anda kehendaki untuk kehidupan anda.

Cara Menggunakan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dicorakkan untuk pertemuan mingguan yang boleh digunakan di persekutuan di sekolah, rumah atau gereja. Anda juga boleh mengubahsuainya untuk kelompok kecil anda.

Siri buku ini mempunyai dua bahagian besar: Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing yang memberi panduan dan aktiviti-aktiviti kreatif untuk topik-topik buku ini.

Panduan Pelajar terdiri daripada Kata-Kata Mutiara, Ayat Mas Alkitab, Aktiviti Bersama, Renungan Firman Tuhan, Renungan Peribadi dan Doa. Panduan Pembimbing pula mempunyai tiga aspek tambahan iaitu Objektif-Objektif Sesi, Aktiviti Pencetus Minat, Jawapan Firman

Tuhan serta kaedah ajaran yang boleh digunakan.

Pembimbing atau pemimpin kelompok harus membaca Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing untuk memahami seluruh pelajaran ini dan cara menyelenggarakannya.

Dalam Siri Buku **OBOR BELIA** ini, anda akan menemui yang berikut:



Ayat Mas Alkitab

Ayat ini merupakan ayat yang penting dan perlu direnungi bersama kelompok anda.



Kata-Kata Mutiara

Baca bersama ahli-ahli kumpulan anda dan jelaskannya secara singkat.



Aktiviti Bersama

Bahagian ini memperkenalkan tema utama sesi ini dengan menggunakan pelbagai permainan, lakonan, kertas kerja atau cara yang menarik untuk mencetus minat para peserta.



Renungan Firman Tuhan

Bahagian di mana Firman Tuhan akan dibentang dan dibincangkan. Pelbagai aktiviti dirancang agar mereka dapat melibatkan diri dalam Firman Tuhan.



Renungan Peribadi

Bahagian ini menggabungkan cara-cara kreatif dan praktikal untuk menggalakkan mereka merenungi pelajaran hari itu serta menerapkan kebenaran yang telah dipelajari untuk kehidupan mereka, dan bukan sekadar mengetahuinya sahaja.



Doa

Pembimbing dan peserta digalakkan menutup setiap sesi dengan doa.

Untuk Pemimpin/Pembimbing

Panduan untuk memimpin dan membimbing sesi disediakan di bahagian akhir buku ini. Anda akan dibekalkan dengan nota-nota tambahan untuk setiap bahagian dalam sesi di Lembar Kerja.



Objektif-Objektif Sesi

Bahagian ini menjelaskan dengan terperinci objektif-objektif sesi. Pembimbing mesti membaca objektif-objektif ini sebelum memulakan pelajaran.



Pencetus Minat

Mencadangkan beberapa teknik pemanasan dan pencetus minat para pelajar dengan menggunakan permainan, lakonan, dan sebagainya.



Aktiviti Tambahan

Aktiviti atau pelajaran tambahan yang diolah untuk memperkuatkan lagi pengajaran Alkitab atau satu pernyataan.

Beberapa Panduan Berguna

*** Baca**

Baca bahagian Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing jika anda sedang membimbing satu kelompok supaya anda boleh berfikir dan menyiapkan diri dengan mantap.

*** Doa**

Berdoa agar Tuhan memberi anda kebijaksanaan sewaktu mengendalikan topik dalam perbincangan. Jangan lupa berdoa agar Tuhan menyentuh dan mengubah kehidupan ahli-ahli kumpulan anda.

*** Persiapan**

Bahagian Renungan Firman Tuhan memerlukan paling banyak bimbingan dan ajaran daripada anda. Renungkan contoh-contoh yang dapat menolong anda menjelaskan ajaran anda dalam bahagian lain.

*** Santai & Ketawa**

Jangan terlalu serius dan kalau boleh berjenakalah sekali-sekala. Biar proses pembelajaran itu lebih berinteraksi, partisipasi dan santai.

Buku 11: Tinjauan Perjanjian Lama (Bahagian II)

Mukadimah

Nabi-nabi Perjanjian Lama diutus oleh Allah untuk menyampaikan amaran, nubuat, dan kerinduan hati Allah agar umat-Nya kembali kepada-Nya. Berita mereka sering mengandungi dua tema: penghukuman dan pengharapan.

Dalam kitab-kitab Nabi Besar dan Kecil, kita membaca tentang Yehezkiel berjalan di tengah lembah tulang-tulang kering, Yeremia diminta agar jangan pergi ke perjamuan untuk melambangkan beritanya, Amos mengejutkan pendengar yang berfikir mereka biji mata Tuhan apabila dia bersabda bahawa Allah mengaum dari Sion, Yunus marah ketika penduduk Ninewe diselamatkan dan Yoel menceritakan pencurahan Roh Kudus. Hal yang paling ajaib tentang nubuat-nubuat mereka ialah ia digenapi pada zamannya dan juga zaman yang akan datang.


Nabi-nabi yang diutuskan oleh Tuhan untuk berdiri di tengah-tengah umat Allah dan berseru, “Demikianlah kata TUHAN ALLAH!” Mereka akan memakai pelbagai pendekatan seperti cerita, perumpamaan, lakonan dan bahkan mengesampingkan hak peribadi demi mewakili suara Tuhan. Bangsa Israel yang mudah terbuai oleh berita-berita nabi-nabi palsu yang sering bertentangan tidak bertaubat namun setelah mengalami penghukuman baru mereka mual akan dosa mereka. Walau bagaimana pun, nabi-nabi ini tetap bersabda dan bernubuat dengan tidak lelah.

Buku Tinjauan Perjanjian Lama I dan II bertujuan memberi gambaran besar yang boleh menolong para belia mentafsir dan memahami Alkitab dengan tepat. Mereka akan mempelajari bagaimana Allah memanggil nabi-nabi pada waktu yang berbeza kepada umat Tuhan dan apakah tema yang disampaikan. Selain itu, mereka juga akan mempelajari bagaimana menerapkan berita nabi ini dalam kehidupan kita pada masa kini.

“Siapakah Allah seperti Engkau yang mengampuni dosa, dan yang memaafkan pelanggaran dari sisa-sisa milik-Nya sendiri; yang tidak bertahan dalam murka-Nya untuk seterusnya, melainkan berkenan kepada kasih setia?” (Mikha 7:18)

**Sesi
1**

**Cerita
Para Nabi**





Ayat Mas Alkitab

“Singa telah mengaum, siapakah yang tidak takut? Tuhan Allah telah berfirman, siapakah yang tidak bernubuat?” (Amos 3:8)



Aktiviti Bersama

Padankan nabi-nabi berikut dengan tema-tema nubuat atau berita mereka.

Nama Nabi	Tema Nubuat / Berita
Habakuk	Kenapakah Tuhan membiarkan kejahatan meleluasa?
Hosea	Kesetiaan dan kasih Tuhan terhadap bangsa yang kurang kasih dan kesetiaan.
Amos	Penghukuman menjelang. Singa mengaum dari Sion.
Obadiah	Penghukuman akan datang kepada Edom dan kemenangan Yahweh.
Yunus	Kasih Tuhan terhadap orang kafir dan kekurangan belas kasihan nabi-Nya
Mikha	Kebenaran Tuhan dan keadilan pemerintahan-Nya.
Nahum	Kejatuhan Niniwe dan Asyur akan segera dihukum.
Maleakhi	Panggilan untuk memberi persembahan yang terbaik dan kesetiaan kepada Tuhan.
Haggai	Panggilan untuk membangun Bait Suci
Zakaria	Pemulihan bangsa Israel dan pemerintahan Tuhan di dunia.
Yoel	Hari Tuhan dan pencurahan Roh Kudus
Zefania	Hari Tuhan dan penghukuman yang akan datang
Yehezkiel	Kemuliaan Tuhan yang meninggalkan bangsa Israel dan kembali setelah pemulihan mereka.
Yesaya	Penyelamatan Tuhan
Yeremia	Kejatuhan Yerusalem dan Yehuda



Kata-kata Mutiara

Para nabi yang muncul pada waktu krisis telah menjadi suara Tuhan yang memberi amaran dan bimbingan kepada umat-Nya yang sering sesat agar kembali kepada Allah. Para nabi mempunyai pengaruh yang besar sebaliknya imam-imam dan raja-raja tidak berpengaruh bahkan sering menjadi batu sandungan iman bangsa Israel.



Renungan Firman Tuhan

Bahagikan kumpulan anda kepada empat kelompok. Setiap kelompok akan menyelidiki satu bahagian dan kemudian bentangkan jawapan dan pandangan anda serta kesimpulan anda dari firman Tuhan.

Bahagian A: Panggilan Seorang Nabi

Seorang nabi yang dipanggil oleh Tuhan akan berbicara di bawah pimpinan sabda Tuhan. Jelaskan sifat-sifat panggilan nabi-nabi berikut dan apa yang dialami oleh mereka.

1. Yesaya (Yesaya 6:8)
2. Yeremia (Yeremia 1:4-10)
3. Yehezkiel (Yehezkiel 2:9)
4. Amos (7:14-15)

Bahagian B: Mengenal Pasti Seorang Nabi Tuhan

1. Siapakah yang memberi mereka firman Tuhan? (Yeremia 1:9; 15:16)
2. Seorang nabi yang benar akan menggalakkan kesetiaan kepada Tuhan dan memberi amaran. Mereka tidak akan mengecat lukisan yang indah sekalipun mereka tidak hidup berkenan kepada Tuhan. Nasihat apakah yang diberikan oleh Musa kepada umat Israel? (Ulangan 7:12; 11:16-17)

3. Bagaimanakah umat Tuhan tahu mereka patut mendengar dan menaati nubuat seorang nabi ? (Ulangan 18:22, Yeremia 42:1-6)
4. Seorang nabi yang menurut Tuhan akan dipenuhi oleh apa? (Zakaria 7:12, Yehezkiel 2:2)

Bahagian C: Sifat-Sifat Seorang Nabi

1. Bagaimanakah kita menjelaskan sifat seorang nabi yang dipanggil Tuhan? (Yesaya 6:5-7)
2. Adakah nabi mempunyai tujuan lain dalam pelayanan selain dipanggil oleh Tuhan untuk menyampaikan firman-Nya? (Amos 7:14)
3. Bagaimana nabi yang sejati berbeza daripada mereka yang palsu? (Yehezkiel 13:17-19)
4. Bolehkah anda menjelaskan hati seorang nabi yang benar? (Yeremia 10:1-5)

Bahagian D: Empat Aspek Nubuatan Nabi-Nabi

Bacakan ayat-ayat berikut dan golongkannya dalam kategorinya.

Yeremia 5:1; Yeremia 15:3-4; Yeremia 23:9;

Yehezkiel 34:11; Yehezkiel 37:28; Yoel 2:28

Nubuat tentang keadaan semasa	Tawanan/pembuangan dan pemulihan	Kelahiran Kristus	Millenium: Syurga dan Bumi Baru



Renungan Peribadi

	Selalu/Seringkali	Jarang/Tidak Pernah
1. Ketika saya bertemu seseorang yang belum mengenal Tuhan, saya akan berdoa dan berikhtiar menolong mereka mengenal Tuhan.		
2. Ketika seseorang saudara seiman tidak berjalan menurut kehendak Tuhan, saya berusaha menolong mereka kembali ke pangkal jalan.		
3. Saya berusaha mendengar suara Tuhan untuk diri saya dan orang lain.		

Santapan Minda

“Para nabi berdiri teguh bagaikan puncak gunung yang mempunyai keindahan yang berbatu-batu kasar di permukaan bumi gelap yang membentuk cerita Perjanjian Lama. Mereka adalah model ketiaan yang sempurna kepada Tuhan dibandingkan dengan umat Tuhan yang selalu murtad dan terjatuh dalam dosa-dosa jijik.”

~ F.B. Huey, Jr.



Doa

Tuhan terima kasih atas kesetiaan nabi-nabi yang telah mengesampingkan hak mereka demi menyampaikan firman Tuhan kepada mereka yang perlu mendengar amaran dan pengharapan-Mu. Ajarlah saya peka selalu kepada suara-Mu supaya saya dapat memberitakan kasih-Mu kepada orang yang perlu mendengarnya. Amin.

Sesi
2

Amos:
Nabi Penghukuman & Pengharapan





Ayat Mas Alkitab

“Berjalankah dua orang bersama-sama jika mereka belum berjanji? (Amos 2:2)



Kata-kata Mutiara

Tetapi biarlah keadilan bergulung-gulung seperti air dan kebenaran seperti sungai yang selalu mengalir. (Amos 5:24)



Aktiviti Bersama

Mesej dan nubuat Amos juga boleh diterapkan kepada masyarakat Malaysia yang sering terjadi ketidakadilan kepada golongan yang lebih lemah.

Kedaaan Ketidakadilan di Malaysia	Apakah yang akan dikatakan oleh nabi Amos?
Pemerdagangan orang Berjudi sukan/menyabung ayam Ah Long Menindas buruh asing murah	



Renungan Firman Tuhan

1. Jelaskan jenis pekerjaan nabi Amos sebelum dia dipanggil untuk menjadi nabi. Mengapakah Amos harus yakin sewaktu bernubuat kepada umat Tuhan? (Amos 1:1; 14-15)

2. Menurut anda, jenis gaya apakah yang dipakai oleh Amos untuk menyampaikan khutbah? (Amos 3:8)
3. Yehuda yang seharusnya menjadi umat Tuhan telah melakukan dosa apa sehingga singa boleh mengaum? (Amos 2:4)
4. Bangsa Israel yang seharusnya menjadi umat Tuhan yang menjadi saksi baik tidak membuktikan keadilan dalam perhubungan mereka dengan manusia. Jelaskan dosa mereka dalam (Amos 2:6-8)
5. Umat Tuhan selalu berfikir mereka adalah biji mata Tuhan yang dikeluarkan dari Mesir dan mereka bebas daripada penghukuman Tuhan. Adakah hal ini benar? (Amos 3:1-2)
6. Perkataan apakah yang menunjukkan bahawa umat Tuhan pada waktu itu memberi persembahan dan persepuluhan bukan kerana mereka mengasihi Tuhan tetapi untuk menghebohkan kepada orang lain? (Amos 4:3)
7. Sebenarnya apakah yang Tuhan inginkan daripada ibadah umat Tuhan? (Amos 5:24; Amos 5:14, 15)
8. Adakah umat Tuhan akan dibiarkan terlantar setelah mengalami penghukuman? (Amos 9:11-15)



Renungan Peribadi

Nabi Amos berkata, “Berjalankah dua orang bersama-sama, jika mereka belum berjanji?” (Amos 3:3). Kongsikan bersama dengan kawan-kawan anda tentang bagaimana anda boleh berjalan bersama dengan Tuhan. Jelaskan aspek-aspek ini:-

- a. ibadah
- b. keadilanmu terhadap orang lain
- c. keadilan terhadap keluarga sendiri

Santapan Minda

Janganlah merampasi orang lemah, kerana dia lemah, dan janganlah menginjak-injak orang yang berkesusahan di pintu gerbang. Sebab TUHAN membela perkara mereka dan mengambil nyawa orang yang merampasi mereka.

(Amsal 22:22-23)



Doa

Tuhan, ajarlah saya tidak hanya bermulut indah dalam ibadah saya tetapi biarlah seluruh kehidupan saya khususnya cara saya memperlakukan orang lain menjadi satu saksi yang indah. Tolonglah saya bersikap adil dan saksama dalam tempat kerja saya. Biarlah kawan-kawan saya dan keluarga saya dapat merasa akan keadilan saya dan kejujuran saya terhadap Tuhan dan manusia.

Sesi
3

**Yunus:
Nabi Ditelan Ikan Besar**





Ayat Mas Alkitab

“Bagaimana tidak Aku akan sayang kepada Ninewe, kota yang besar itu, yang berpenduduk lebih dari seratus puluh ribu orang, yang semuanya tak tahu membezakan tangan kanan dari tangan kiri, dengan ternaknya yang banyak?” (Yunus 4:11)



Kata-kata Mutiara

Cerita Yunus bukanlah tentang Yunus dan ikan melainkan Yunus dan Tuhan yang Maha Penyayang yang telah memanggil dia untuk mengabarkan kasih Tuhan kepada orang yang dibencinya.



Aktiviti Bersama

Permintaan	Suka/Perasaan	Tidak Suka/Perasaan
1. Menjaga seorang anak kecil yang berumur 2 atau 3 tahun		
2. Memujuk seseorang untuk membeli sesuatu		
3. Mengelap lantai seluruh rumah		
4. Mengajar di Sekolah Minggu		
5. Mencuci tandas gereja		
8. Memberitakan kasih Tuhan kepada seorang remaja yang anda tidak kenali		
9. Mengorek longkang yang tersumbat		



Renungan Firman Tuhan

1. Kenapakah Yunus melarikan diri daripada panggilan Tuhan? (Yunus 4:1)
2. Baca doa Yunus dalam Yunus 2:1-10. Apakah yang menjadi inti doanya yang boleh anda gunakan sewaktu menghadapi masalah?
3. Berita apakah yang disampaikan oleh Yunus kepada orang di Ninewe? (Yunus 3:1-4)
4. Bagaimana penduduk menanggapi khutbah Yunus? (Yunus 3:5-9)
5. Jelaskan perbezaan sifat antara Yunus dan Tuhan terhadap penduduk Ninewe? (Yunus 3:10; Yunus 4:1-3)
6. Adakah Tuhan lebih suka menyelamatkan atau membinasakan orang yang berdosa? (Yunus 4:6-11)



Renungan Peribadi

1. Pernahkah anda berusaha menyampaikan Khabar Baik atau Injil kepada orang yang seakan-akan tidak dapat menerima Tuhan Yesus? Selalu/Tidak Pernah
2. Pernahkah anda berdoa untuk mereka? Selalu/Tidak Pernah
3. Pernahkah anda memberi Alkitab atau buku-buku rohani untuk menolong orang lain mengenal Tuhan? Selalu/Tidak Pernah

4. Pernahkah anda berdoa untuk bangsa lain yang tidak mengenal Tuhan? Selalu/Tidak Pernah
5. Adakah anda memiliki kaedah atau panduan tertentu untuk menolong anda menyampaikan khabar baik? Ada/Tidak Ada

Santapan Minda

Francis Assisi yang bersifat lemah lembut memutuskan untuk meninggalkan rumah bapanya yang mewah. Dia tidak mahu hidup dalam kemewahan lalu dia menjualkan kuda dan kereta kudanya lalu memberi sedompot wang kepada bapanya. Francis Assisi, anak saudagar yang kaya yakin bahawa Matius 10:8-10 ialah perintah Tuhan untuk dirinya.

Dia pergi melayani di kalangan pengemis dan orang yang sakit kusta di kotanya. Kemudian dia ke desa dan mendirikan sebuah gereja. Ketika Francis menggembara dan melayani Tuhan, dia menemui banyak orang yang tamak akan wang dan nama. Mereka hanya mahu makanan lazat dan tinggal di rumah mewah serta status.

Pemimpin-pemimpin gereja pun belum bersedia melayani orang miskin. Khutbah beliau sangat sederhana, “Manusia mesti bertaubat dan bersedia menolong orang yang lain.” Beliau dikatakan begitu lemah lembut sehingga burung-burung menghinggap di bahunya sewaktu dia berjalan!




Doa

Tuhan, sewaktu Engkau mengutus saya kepada orang yang sulit diinjili, ajarlah saya taat dan rela dikuasai kasih Tuhan sewaktu menyampaikan kasih-Mu kepada mereka. Biarpun saya perlu melintasi budaya dan kesulitan berilah saya kesabaran. Ajarlah saya mengasihi orang yang saya layani dan memberi terbaik kepada mereka.

Sesi
4

Hosea:
Nabi Yang Setia





Ayat Mas Alkitab

“Engkau ini harus berbalik kepada Allahmu, pelihara kasih setia dan hukum, dan nantikanlah Allahmu senantiasa.” (Hosea 12:7)



Kata-kata Mutiara

Kesetiaan Tuhan kepada umat-Nya di tengah-tengah ketidaksetiaan mereka digambarkan oleh perhubungan Hosea dengan isterinya yang penuh dengan kesabaran dan cinta.



Aktiviti Bersama

Hosea menyampaikan firman Tuhan dengan kiasan untuk menolong kita memahami sesuatu dengan jelas. Di bawah tersedia satu latihan untuk memadankan jawapan. Padankan ayat-ayat dari kitab Hosea dengan kiasan yang diberikan.

Ayat-Ayat	Kiasan
Hosea 4:16	Tuhan akan menjadikan Israel seperti hujan di tanah yang kering.
Hosea 7:8	Kesetiaan Tuhan bagai fajar menyinsing dan musim bunga membasahi tanah.
Hosea 9:16	Kaum Israel adalah roti yang setengah masak.
Hosea 13:3	Kaum Israel seperti pokok yang akarnya telah kering dan tidak berbuah.
Hosea 6:1	Orang Israel akan lenyap seperti kabut pagi seperti embun yang mengering bila matahari terbit.
Hosea 6:3	Hati umat keras bagaikan keldai.
Hosea 14:5	Tuhan akan membalut luka-luka kita.



Renungan Firman Tuhan

1. Menurut anda apakah Hosea bersikap bodoh kerana dia menerima isterinya selepas dia melakukan kesalahan?
2. Menurut anda adakah Tuhan bersikap tidak bijaksana kerana Dia menerima umat-Nya berulang kali setelah mereka melakukan kesalahan?
3. Nama anak-anak Hosea juga melambangkan keadaan perhubungan umat Tuhan dengan Tuhan.
 - a. Lo-Ruhamah (Hosea 2:23)
 - b. Lo-ammi (Hosea 1:8-9)
4. Baca Hosea 2:19-23. Menurut pendapat anda, apakah yang ingin disampaikan oleh Tuhan?
5. Apakah yang terjadi kepada umat Tuhan yang selalu tidak setia? (Hosea 14:1)



Renungan Peribadi

Tuhan ingin kita memupuk kesetiaan dalam perhubungan dengan-Nya. Kesetiaan Tuhan bagi fajar menyinsing, Dia tidak pernah mengecewakan kita dalam segala hal. Tuhan juga ingin kita memelihara kesetiaan kepada keluarga mahupun kawan-kawan kita. Di bawah ruangan ini lukiskan kesetiaan anda kepada Tuhan atau manusia dalam bentuk lambang dan menuliskan catatan di bawah gambar tentang bagaimana anda boleh berubah.

Kesetiaan Saya Kepada Tuhan	Kesetiaan saya kepada keluarga/kawan-kawan kita

Santapan Minda

Kesetiaan Tuhan

Aku akan seperti embun bagi Israel,
Maka ia akan berbunga seperti bunga bakung
Dan akan menjulurkan
Akar-akarnya seperti pohon hawar

~ Hosea 14:8



Doa

Lengkapkan doa ini untuk mengutarakan kesetiaan anda kepada Tuhan dalam perhubungan dengan-Nya, keluarga anda dan juga kawan-kawan anda.

Tuhan yang kukasihi

Saya mengucapkan syukur atas kasih setia-Mu yang baru setiap hari. Tuhan, saya mahu lebih setia kepada Tuhan _____ supaya saya berjalan lebih dekat dengan Engkau.

Saya mahu lebih setia kepada anggota keluarga saya. Bantulah saya untuk _____. Saya mahu lebih setia kepada kawan-kawan saya. Bantulah saya untuk _____. Dalam nama Tuhan Yesus. Amin.

**Sesi
5**

☉ Kota Perlindungan

● Kota Lain

Yehezkiel: Nabi Penglihatan Misterius





Ayat Mas Alkitab

“Dan mereka akan mengetahui bahawa Akulah Tuhan, Allah mereka, yang membawa mereka ke dalam pembuangan di tengah-tengah dan mengumpulkan mereka kembali di tanahnya dan Aku tidak membiarkan seorang pun daripadanya tinggal di sana.” (Yehezkiel 39:28)



Aktiviti Bersama

Cari jawapan anda dari Alkitab.

Perumpaan, Alegori, Lambang	Ertinya
1. Lambang Pengepungan kota Yerusalem	☐ Yehezkiel menyediakan barangnya, membuat satu lubang dan keluar dari sana
2. Lambang Pembuangan Israel	☐ Pemulihan akan mendatangkan berkat berkelimpahan seperti tanaman dan hasil laut.
3. Alegori Ohola dan Oholiba	☐ Negara Mesir hancur
4. Lambang Ketidaktekwaan Zedekia	☐ Negara Tirus hancur
5. Lambang Pedang Melawan Yerusalem	☐ Kesengsaraan yang akan dihadapi di tanganmu
6. Perumpamaan Pohon Anggur Tidak Berguna	☐ Kejatuhan Yerusalem yang tidak dapat diratapi
7. Perumpamaan Kualiti Berkarat	☐ Pembaharuan rohani akan terjadi
8. Lambang Kematian Isteri	☐ Yerusalem dan Samaria yang tidak berhutang budi
9. Lambang Kapal Yang Terpecah Kepada Dua	☐ Kerajaan Messianik akan datang dan semua orang tidak akan menderita di bawah pemimpin-pemimpin buruk
10. Lambang Raksasa Lautan Tertangkap	☐ Yerusalem akan dikepung sehingga kelaparan dan mati penyakit sampar
11. Perumpamaan Gembala Yang Baik	☐ Yehezkiel mengambil barangnya, keluar dari rumah, buat lubang dalam tembok
12. Lambang Tulang-Tulang Kering	☐ Pohon aras dan rajawali digambarkan sebagai raja-raja Negara berkuasa di arena politik rantau itu
13. Lambang Sungai Keluar Bait Suci	☐ Nubuat tentang syurga dan bumi baru disampaikan dalam nubuat ini.



Kata-kata Mutiara

Yehezkiel adalah seorang nabi agung dalam Perjanjian Lama yang mengesampingkan hak mereka demi firman Tuhan dan rela menyampaikan firman dengan pelbagai gaya yang mungkin mengundang cacian daripada pendengar-pendengarnya



Renungan Firman Tuhan

Bahagikan kumpulan anda kepada tiga kelompok, pilih seorang ketua, bincangkan soalan-soalan yang diberikan kelompok anda. Setelah itu bentangkan jawapan anda kepada kelas.

Bahagian A: Siapakah Yehezkiel?

1. Jelaskan latar belakang Yehezkiel dari Yehezkiel 1:3.
2. Pada waktu Yehezkiel memulakan pelayanannya, dia berada dalam pembuangan di negara _____ (Yehezkiel 1:1; 3:15)
3. Yehezkiel sangat mengasihi isterinya. Istilah apakah yang digunakan oleh Tuhan untuk menjelaskan kasih Yehezkiel terhadap isterinya. (Yehezkiel 24:15)
4. Yehezkiel berumur berapakah sewaktu dia dipanggil menjadi seorang nabi kepada umat Tuhan di Babel? (Yehezkiel 1:1)
5. Tugas apakah yang diberikan oleh Tuhan kepada Yehezkiel dan apa jenis pekerjaannya? (Yehezkiel 33:2)

Bahagian B: Berita Penghukuman (Memahami Satu Perumpamaan)

1. Mengapakah Tuhan menggunakan ranting pohon anggur untuk melambangkan umat Tuhan? (Yehezkiel 15:3)
2. Apakah yang akan terjadi oleh kerana mereka tidak seperti yang diharapkan? Jelaskan tentang apa yang akan terjadi kepada Yerusalem dan Bait Suci. (Yehezkiel 15:8)
3. Tuhan menjelaskan bahawa bangsa Israel adalah seperti bayi yang terlantar sebelum ditemui oleh Tuhan. Yehezkiel 16:6-8. Jelaskan bilakah dalam sejarah bangsa itu peristiwa ini terjadi? (Keluaran 4)
4. Sewaktu hutan terbakar dan pohon anggur diijilat api, siapakah yang mendatangkannya? (Yehezkiel 15:7)
5. Mengapakah Tuhan melakukan demikian? (Yehezkiel 15:8)

Bahagian C: Penggenapan Dan Pemulihan

1. Bagaimanakah bangsa Israel menyambut amaran yang disampaikan oleh Yehezkiel? (Yehezkiel 33:32)
2. Bagaimanakah nubuat seorang nabi dapat dibuktikan sebagai firman Tuhan? (Yehezkiel 33:33)

3. Setelah penghukuman Tuhan dijatuhkan kepada bangsa Israel, apakah yang dijanjikan oleh Tuhan terhadap umat-Nya? (Yehezkiel 36:33)
4. Apakah yang akan disedari oleh bangsa Israel sewaktu Tuhan membawa mereka kembali dari pembuangan? (Yehezkiel 39:27)
5. Apakah yang akan terjadi kepada tanah yang sudah dibinasakan sewaktu mereka pulang ke tanahair mereka? (Yehezkiel 47:9-11)



Renungan Peribadi

Tuhan juga memanggil kita untuk berbuah dalam kehidupan kita seperti pohon anggur. Fikirkan perkara-perkara yang boleh membantu pertumbuhan anda dalam Kristus Yesus dan bagaimana anda boleh mengatasinya untuk berbuah lebat dalamnya. Bayangkan anda pohon anggur, tandakan mana yang sesuai dan jelaskan kenapa serta bagaimana anda boleh menolong diri anda untuk berbuah.

Pohon Anggur (Saya)	Buah saya	Bahan-Bahan
○ Sihat	○ Masam	☐ Matahari (Saat Bersama Tuhan). a. sangat kurang b. setiap hari ada matahari c. kadangkala ada matahari
○ Lemah	○ Berjus dan besar	☐ Baja-Firman Tuhan a. Baca, renung, dan dituruti b. Tidak pernah dituruti c. Tidak baca atau terapkan ☐ Oksigen – (Persekutuan dengan orang Kristian lain.) a. jarang b. sering

Santapan Minda

“Akulah pohon anggur dan kamulah ranting-rantingnya. Barangsiapa tinggal di dalam Aku dan Aku di dalam dia, ia berbuah banyak, sebab di luar Aku kamu tidak dapat berbuat apa-apa. Barangsiapa tidak tinggal di dalam Aku, ia dibuang ke luar seperti ranting dan menjadi kering, kemudian dikumpulkan orang dan dicampakkan ke dalam api lalu dibakar. Jikalau kamu tinggal di dalam Aku dan firman-Ku tinggal di dalam kamu, mintalah apa saja yang kamu kehendaki, dan kamu akan menerimanya. Dalam hal inilah Bapa-Ku di-permuliakan, yaitu jika kamu berbuah banyak dan dengan demikian kamu adalah murid-murid-Ku.”

~ Tuhan Kristus Yesus (Yohanes 15:5-8)



Doa

Tuhan, saya ingin berbuah besar dan lebat demi kemuliaan nama-Mu. Ajari saya agar selalu memupuk tabiat membaca firman-Mu, menerapkannya dalam kehidupan saya dan menjadi anak-Mu yang berguna dan saleh.

**Sesi
6**

**Yeremia:
Nabi Peratap**





Ayat Mas Alkitab

“Mereka akan memerangi engkau, tetapi tidak akan mengalahkan engkau, sebab Aku menyertai engkau, untuk melepaskan engkau, demikianlah firman Tuhan.” (Yeremia 1:19)



Kata-kata Mutiara

Allah telah membuat Yeremia satu kota berkubu, tiang besi, dan tembok tembaga untuk melawan negeri Yehuda, pemuka-pemukanya, para imam dan rakyatnya.



Aktiviti Bersama

Tuhan kita sungguh kreatif. Sewaktu Dia bersabda melalui para nabi-Nya, Dia memakai ilustrasi yang luar biasa. Di bawah ini, lukiskan lambangnya dan tulis satu ayat Alkitab yang merupakan inti beritanya. Setiap kelompok mengambil satu dan kemudian lukisnya dan cari ayat intinya.

1. Yeremia 18:1-8
2. Yeremia 19:1-13
3. Yeremia 23:5-6
4. Yeremia 32:9-15

Lambang-lambang	Ayat Alkitab (intinya)



Renungan Firman Tuhan

Bahagian A : Siapa Yeremia?

1. Ketika Tuhan memanggil Yeremia, dia berkata dia tidak dapat menjadi seorang nabi. Kenapa? (Yeremia 1:6)

2. Tuhan telah mengutus Yeremia untuk memberi amaran kepada Yehuda dan Yerusalem. Dia akan menghadapi banyak cabaran, penganiayaan dan ancaman. Apakah yang dijanjikan oleh Tuhan kepada Yeremia ketika dia diutus? (Yeremia 1:8,18-19)

3. Sebagai seorang nabi, Yeremia terpaksa melalui disiplin ketat. Carilah disiplin yang ditentukan kepadanya:-
 - a. Yeremia 15:17 _____
 - b. Yeremia 16:2 _____
 - c. Yeremia 16:5 _____
 - d. Yeremia 16:8 _____

Bahagian B : Pelayanan Yeremia

1. Yeremia dalam penglihatan menampak sebuah periuk yang mendidih dari utara? Negara apakah periuk ini? (Yeremia 1:13)

2. Apakah yang ditegaskan oleh nabi Yeremia mengenai ibadah? (Yeremia 7:8-11)

3. Apakah yang disabdakan oleh Tuhan mengenai umat Tuhan dan para imam-Nya melalui nabi Yeremia? (Yeremia 6:13-15)

4. Tuhan memanggil Yeremia membeli sebidang ladang sebagai lambang apa? (Yeremia 32: 44)

5. Adakah nubuat Yeremia tentang nasib Zedekia digenapi? (Yehezkiel 39:5)

Bahagian C: Penderitaan Yeremia

1. Setelah Yeremia bernubuat bahawa mereka telah mengingkari perjanjian kerana menyembah berhala, apakah yang terjadi? (Yeremia 11:21)

2. Setelah Yeremia bernubuat tentang buli-buli pecah yang melambangkan keadaan dahsyat sewaktu diserang Babel, apakah yang terjadi kepada dirinya? (Yeremia 20:1-2)

3. Setelah Yeremia bernubuat bahawa kota Yerusalem akan dilanda pedang dan sampar sewaktu jatuh ke kuasa Babel, apakah yang terjadi kepada dirinya? (Yeremia 38:6)

4. Apakah yang dialami oleh Yeremia ketika dia menyampaikan firman Tuhan? (Yeremia 20:7)

5. Mengapakah Yeremia mengutuk hari kelahirannya? (Yeremia 20:15-18)



Renungan Peribadi

Bincang dengan anggota-anggota kelompok anda tentang halangan atau tentangan yang anda hadapi sewaktu anda berusaha menyampaikan firman Tuhan. Bagaimanakah anda mengatasinya?

Halangan dan Tentangan	Bagaimana Cara Mengatasi?

Santapan Minda

“Sesungguhnya, satu langkah yang diambil dalam menyRaja Nero membuat pembunuhan orang Kristian sebagai sukan dalam tamannya untuk menghibur orang ramai. Setengah orang Kristian dijahit dalam kulit binatang buas lalu anjing besar dibiarkan mengejar mereka dan meragut nyawa mereka. Yang lain pula diikat pada kayu salib dan dibakar sebagai penyuluh manusia di taman bunga raja yang kejam ini. Mereka yang benci orang Kristian pada AD64 diundang untuk menikmati babak penganiayaan yang kejam ini.”

~ Earle E. Cairns



Doa

Tuhan, sewaktu saya menghadapi ancaman dan kesulitan dalam penginjilan, tolonglah saya untuk bersandar kepada kekuatan-Mu. Saya berdoa saya akan pantang undur dan giat bersaksi bagi Tuhan. Saya tahu penderitaan itu memang akan dialami oleh orang yang bergiri teguh bagi Tuhan dalam zaman yang zalim ini.

Sesi
7

⊙ Kota Perlindungan

● Kota Lain

Yesaya:
Nabi Injili





Ayat Mas Alkitab

“Janganlah gentar dan janganlah takut, sebab memang dari dahulu telah kukhabarkan dan kuberitahukan hal itu kepadamu. Kamulah saksi-saksi-Ku! Adakah Allah selain daripada-Ku? Tidak ada Gunung Batu yang lain, tak ada Kukenali!” (Yesaya 44:8)



Kata-kata Mutiara

Yesaya, nabi kepada Yehuda dan Yerusalem yang diancam Asyur, Mesir dan Babel telah meluangkan banyak waktu mengajar tentang sifat Allah, tujuan-Nya, hukum-Nya dan juga mendedahkan kesihatan rohani umat-Nya.



Aktiviti Bersama

Bahagikan kumpulan anda kepada beberapa kelompok. Isikan tempat-tempat kosong dalam kutipan-kutipan yang terkenal daripada Yesaya. Bolehkah anda mengisinya tanpa melihat Alkitab?

- Orang yang berjalan di dalam _____ telah melihat _____ (Yesaya 9:2)
- Seorang anak telah dilahirkan bagi kita. Seorang anak lelaki telah diberikan kepada kita, Dialah yang akan menjadi _____ kita. Dia akan disebut _____, Ajaib, Bapa yang _____ (Yesaya 9:6)
- Sebagaimana air jernih mendatangkan _____ kepada orang dahaga, demikian jugalah umat Tuhan _____ (Yesaya 12:3)
- Dia akan memelihara _____ seperti seorang _____ (Yesaya 40:11)
- Dahulu kita seperti domba-domba _____ yang masing-masing mengikut _____ (Yesaya 53:6)
- Bangkitlah dan bercayalah seperti _____ hai Yerusalem; lihatlah _____ Tuhan ada padamu. (Yesaya 60:1)
- Engkau akan mencelikkan mata _____ (Yesaya 42:7)



Renungan Firman Tuhan

Siapakah Yesaya?

1. Baca Yesaya 31:1. Menurut anda, adakah Yesaya benar sewaktu mengatakan keamanan negara tidak bersandar kepada perserikatan dengan negara-negara berkuasa?
2. Baca Yesaya 31:5. Berita apakah yang disampaikan oleh Tuhan kepada umat-Nya?
3. Pada waktu Yesaya melayani, umat Tuhan seakan-akan sangat rohani (Yesaya 1:2-9) tetapi apakah yang dikatakan oleh Tuhan mengenai mereka? (Yesaya 1:10-15)
4. Enam celaka yang disampaikan oleh Yesaya pada waktu itu menggambarkan dosa umat Tuhan pada waktu itu. Jelaskan jenis dosa umat Tuhan. Apakah ia mempunyai kesamaan dengan dosa masyarakat anda? (Yesaya 5:8-23)
5. Tuhan berjanji akan melindungi dan menjaga umat-Nya. Kita perlu percaya kepada perjanjian-Nya. Yesaya 9:2-7 memberitahu kita tentang hal ini dan juga bernubuatkan tentang Mesias. Baca ayat-ayat berikut dan jawabkan soalan-soalannya.
 - a. Apakah yang sedang dilakukan oleh Tuhan untuk umat-Nya? (Yesaya 9:3)
 - b. Tuliskan tiga cara yang digunakan oleh Tuhan untuk mengubah kegelapan menjadi terang. (Yesaya 9:4-6)
 - c. Jelaskan keadaan kerajaan yang akan datang (Yesaya 9:7)



Renungan Peribadi

Renungkan ayat-ayat Alkitab dari Yesaya 41:8-14 dan tuliskan peristiwa –peristiwa kehidupan anda yang memerlukan penghiburan Tuhan. Contohnya ayat: Janganlah takut. Sebab Aku menyertai engkau, janganlah bimbang, sebab Aku ini Allahmu...(ayat 10) boleh diterapkan untuk pekerjaan.

Ayat-Ayat Alkitab	Penerapan-Nya

Santapan Minda

Empat perkataan yang merumuskan karya indah nubuatan Messianik dalam Yesaya:

- **Pelayanan-Nya:** Sesungguhnya, hamba-Ku akan berhasil...(Yesaya 52:13)
- **Penderitaan-Nya:** Ia dihina dan dihindari orang...(Yesaya 53:3)
- **Pengorbanan-Nya:** Tetapi dia tertikam, dia diremukkan (Yesaya 53:5)
- **Benih-Nya:** Ia akan melihat keturunannya...(Yesaya 53:10)

Di sini terletak inti Injil, perkataan yang begitu unggul dan mengandung begitu banyak doktrin sehingga Dwight L. Moody merujuknya sebagai credo sudah dalam cetakan.



Doa

Doa bagi negara-negara yang berada dalam peperangan. Mintalah rahmat dan belas kasihan Tuhan ke atas mereka.

Sesi
8

- ⊙ Kota Perlindungan
- Kota Lain

Dari Hati Hingga Ke Minda



0 10 20 30 40 Mil
Km.



Ayat Mas Alkitab

“Bagianku ialah TUHAN, aku telah berjanji untuk berpegang pada firman-firman-Mu.” (Mazmur 119:57)



Kata-kata Mutiara

Hati yang gembira adalah ubat yang manjur, tetapi semangat yang patah mengeringkan tulang. (Amsal 17:22)



Aktiviti Bersama

1. Mazmur	Raja Sulaiman memiliki segala yang diinginkan olehnya namun segalanya tidak bermakna tanpa Tuhan.
2. Ayub	Petunjuk-petunjuk, ajaran-ajaran, pepatah-pepatah dan peribahasa singkat untuk menolong anda menerapkan kebijaksanaan dalam hidup dan berjalan dekat dengan Tuhan.
3. Amsal	Kidung syair cinta sejati.
4. Pengkhotbah	Kitab ini menceritakan tentang penderitaan seorang yang saleh. Memahami penderitaannya akan menolong kita memahami penderitaan kita juga.
5. Kidung Agung	Kesukacitaan, damai, kesedihan, ketakutan, penyesalan dosa. Pengalaman kebaikan Tuhan, keajaiban Tuhan, kemahakuasaan Tuhan bahkan berita Messianik terkandung di dalamnya.



Renungan Firman Tuhan

Bahagian A: Ayub

Bab 1-2	Bab 3-31	Bab 32-37	Bab 38-41	Bab 42
Prolog-Ujian Ayub	Dialog Ayub dan teman-temannya	Penjelasan Elihu	Allah bersabda	Epilog dan pemulihan Ayub

1. Apakah pendapat iblis tentang kesalehan Ayub? (Ayub 1:9-10)
2. Bagaimana kita tahu bahawa Ayub menderita bukan kerana dia tidak setia kepada Tuhan atau berdosa? (Ayub 31:1; 31:16-20; 31:24-28)
3. Apakah yang dikatakan oleh Tuhan ketika dia menjawab Ayub? (Ayub 38:1-3; Ayub 38:4-7;1)
4. Bagaimanakah anda menjelaskan sikap Ayub walaupun dia menghadapi penderitaan sedemikian besar? (Ayub 42:1-2)
5. Apakah satu hal penting yang diperoleh Ayub daripada penderitaan ini? (Ayub 42:5-6)

Bahagian B: Mazmur

Siapakah Allah Sewaktu Kita Susah?

1. Mazmur 3:4	
2. Mazmur 5:3	
3. Mazmur 7:9	
4. Mazmur 9:10	
5. Mazmur 23:1	
6. Mazmur 41:13	
7. Mazmur 68:21	
8. Mazmur 71:3	
9. Mazmur 103:8	
10. Mazmur 103:13	

Bahagian C : Pengkhotbah

1. Bagaimanakah kita boleh mencari erti dan makna dalam kehidupan? (Pengkhotbah 2:25)
2. Segala sesuatu ada waktunya, siapakah yang mengatur segala jadual? (Pengkhotbah 3:14)
3. Sikap apakah yang harus diterapkan oleh Yehezkiel dalam kehidupannya? (Pengkhotbah 5:1-5)
4. Apakah yang menjadi landasan hidup bagi seorang pemuda/pemudi? (Pengkhotbah 12:13)
5. Walaupun kita boleh menikmati hidup kita semasa muda tetapi kita mesti selalu mengingat siapa? (Pengkhotbah 12:1)

Bahagian D: Amsal

Amsal 1:1-6	Prolog Amsal - Tujuan penulisan Amsal
Amsal 1:7	Kebijaksanaan - personifikasi
Amsal 10:1	Amsal-Amsal Raja Solomo (Sulaiman)
Amsal 21:1	Amsal-Amsal Raja Hezekia
Amsal 30:1	Amsal-Amsal lebih panjang oleh Agur
Amsal 31:1	Wanita baik - Raja Lemeul

1. Apakah tujuan penulisan kitab Amsal? (Amsal 1:5-7).
2. Sebutkan enam perkara yang dibencikan oleh Tuhan. (Amsal 6:16-18)

- a.
 - b.
 - c.
 - d.
 - e.
 - f.
3. Apakah yang boleh anda pelajari daripada empat binatang terkecil di dunia? (Amsal 30:24-28)
4. Apakah yang dikatakan oleh Alkitab mengenai orang yang hobinya tidur? (Amsal 20:13)
5. Mengapakah Amsal mengatakan keindahan orang tua ialah ubannya? (Amsal 20:29)



Renungan Peribadi

Pilih salah satu Mazmur atau satu bab Amsal. Renunginya dan terapkannya dalam kehidupan anda. Anda boleh cuba beberapa ayat dalam kelas dan terapkan lain pada waktu lain.

Mazmur/Amsal	Penerapan/Refleksi Kehidupan Saya

Santapan Minda

Pasanglah telingamu dan dengarkanlah amsal-amsal orang bijak, berilah perhatian kepada pengetahuanku, kerana menyimpannya dalam hati akan menyenangkan bagimu, bila semuanya itu tersedia pada bibirmu. (Amsal 22:17-18)



Doa

Setiap kelompok boleh mengambil sebahagian Mazmur dan menukarkannya menjadi doa peribadi dan pujian mereka kepada Tuhan.

Panduan Pembimbing

Sesi 1: Cerita Para Nabi



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami peranan para nabi yang diutus oleh Allah pada waktu krisis.
2. Mengenal pasti ciri-ciri seorang nabi yang benar.
3. Memahami tema para nabi secara umum.
4. Memahami jadual waktu pelayanan para nabi.



Penjelasan Tentang Para Nabi

Nabi-nabi adalah manusia yang dipilih dan diutus oleh Tuhan untuk bersabda bagi Tuhan kepada generasi mereka dan juga generasi berikutnya. Berita-berita Alkitab selalu mengandungi kebenaran tentang Tuhan khususnya sifat-Nya, kehendak-Nya, penghukuman yang akan dijatuhkan pada umat-Nya yang selalu berpaling daripada-Nya dan tidak mematuhi syarat perjanjian mereka dengan Tuhan. Namun nabi-nabi selalu menceritakan pengharapan pemulihan sisa umat-Nya setelah penghukuman serta perubahan hati mereka.

Bangsa Israel telah mengikat satu perjanjian dengan Tuhan yang mengandungi persetujuan bahawa kalau mereka melanggar perintah Tuhan, mereka akan dihukum dan kalau mereka menurut perintah Tuhan, mereka akan diberkati. (Ulangan 28) Setelah kejatuhan kerajaan Utara kepada Asyur (722 S.M.) dan kejatuhan Selatan kepada Babel (587/596 S.M.), nabi-nabi menjelaskan pemulihan dan berkat.

Nabi-nabi besar dipanggil sedemikian kerana kitab mereka lebih panjang daripada nabi-nabi kecil. Ini tidak bererti berita para nabi kecil tidak penting. Jadual berikut menunjukkan tiga jangka waktu pelayanan para nabi.

Sebelum Pembuangan	Tawanan Raja Asyur 722 SM	Pembuangan (Tawanan Babel 586 SM)	Setelah Pembuangan (Pemulihan)
(Israel) • Yunus • Amos • Hosea • Yeremia (Yehuda) • Obadia • Yesaya • Yoel • Mikha	Nahum Zafenia Habakuk	Daniel Yehezkiel	Haggai Zakharia Maleakhi



Pencetus Minat

Berikan kuiz untuk memulakan seri nabi-nabi. Berilah kelompok yang menang satu hadiah kecil yang boleh berupa coklat atau gula-gula.

1. Namakan nabi yang melarikan diri daripada Tuhan sewaktu Tuhan memanggil dia ke Niniwe.
2. Namakan nabi yang tidak boleh menangis sewaktu isterinya mati kerana ia akan dijadikan lambang kejatuhan jantung hati bangsa Israel, iaitu Bait Suci dan Yerusalem.
3. Namakan nabi yang mendaki gunung untuk menerima sepuluh hukum.
4. Namakan nabi yang bernubuat tentang seorang dara akan melahirkan seorang anak.
5. Namakan nabi yang dilemparkan ke dalam perigi.
6. Namakan nabi yang disuruh berkahwin dengan seorang pelacur.
7. Namakan nabi yang berkata Tuhan mengaum seperti singa dari Sion.
8. Namakan nabi yang menulis kitab Ratapan
9. Namakan nabi yang dipanggil sewaktu dia masih muda.
10. Namakan nabi yang menyuruh kita mementingkan pembangunan rumah Allah.
11. Namakan nabi yang menceritakan pencerahan Roh Kudus pada Hari Tuhan.
12. Namakan nabi yang kecewa melihat kejahatan manusia meleluasa.

Jawapan Kuiz

- | | | |
|------------|--------------|-------------|
| 1. Yunus | 2. Yehezkiel | 3. Musa |
| 4. Yesaya | 5. Yeremia | 6. Hosea |
| 7. Amos | 8. Yeremia | 9. Yeremia |
| 10. Haggai | 11. Yoel | 12. Habakuk |



Aktiviti Bersama

1. Habakuk - Kenapakah Tuhan membiarkan kejahatan meleluasa?
2. Hosea - Kesetiaan dan kasih Tuhan terhadap bangsa yang kurang kasih dan kesetiaan.
3. Amos - Penghukuman Tuhan mengaum dari Sion.
4. Obadiah - Penghukuman Tuhan yang akan datang ke atas Edom dan kemenangan Yahweh.
5. Yunus - Kasih Tuhan terhadap orang kafir dan kekurangan belas kasihan nabi-Nya.
6. Mikha - Kebenaran Tuhan dan keadilan pemerintahan-Nya.

7. Nahum - Asyur akan dihukumkan dengan segera dan kejatuhan Ninewe.
8. Maleakh i- Panggilan untuk memberi persembahan yang terbaik kepada Tuhan dan kesetiaan kepada Tuhan.
9. Haggai - Panggilan untuk membangun Bait Suci
10. Zakharia - Pemulihan bangsa Israel dan pemerintahan Raja di dunia.
11. Yoe I- Hari Tuhan-Kedatangan Tuhan dan pencurahan Roh Kudus.
12. Zefanya - Hari Tuhan dan penghukuman Tuhan yang akan datang.
13. Yehezkiel - Kemuliaan Tuhan yang meninggalkan bangsa Israel dan kembali setelah dipulihkannya.
14. Yesaya - Penyelamatan
15. Yeremia - Kejatuhan Yerusalem dan Yehuda



Renungan Firman Tuhan

Bahagian A: Panggilan Seorang Nabi

1. Tuhan telah mengambil bara dan menguduskan bibirnya sebelum mengutus dia kerana dia juga tinggal di kalangan mereka yang kotor bibir. (Yesaya 6:8)
2. Yeremia berkata dia telah muda dan tidak boleh bersabda bagi Tuhan. Tuhan meyakinkan dia dan mengatakan Dia akan memberi Yeremia sabda. Yeremia tidak sahaja bersabda kepada bangsa Israel tetapi juga kepada bangsa-bangsa sekelilingnya. (Yeremia 4:1-10)
3. Yehezkiel diminta untuk memakan firman Tuhan dan pada kedua-kedua belah gulungan kitab itu ada lagu tangisan dan pengumuman penghukuman. (Yehezkiel 2:9)
4. Amos berkata dia tidak pernah dilatih sebagai nabi professional. Dia hanya seorang gembala yang dilatih untuk menjaga pohon ara. Namun Tuhan telah memanggil dia untuk melayani dan menegaskan berita tentang keadilan dan kehidupan yang benar di hadirat Tuhan. (Amos 7:14-15)

Bahagian B: Mengenal Pasti Seorang Nabi

1. Walaupun Yeremia masih muda dan merasa dirinya tidak mampu bersabda, Tuhan telah meletakkan firman-Nya ke dalam mulut-Nya. Firman Tuhan yang diberikan kepadanya menjadi kesukaan hati-Nya. (Yeremia 1:9; Yeremia 15:16)
2. Nabi Musa menasihati umat Tuhan untuk menurut Tuhan dengan setia dan memelihara perjanjian kasih-Nya yang kekal yang pernah di-

janjian kepada nenek moyang mereka agar merreka diberkati selalu. Mereka juga mesti memastikan agar hati mereka tidak berpaling daripada Tuhan dan tidak sesekali menyembah berhala. (Ulangan 7:12; 11:16-17)

3. Nubuat seorang nabi yang benar akan digenapi selalu. Pada waktu kejatuhan Yerusalem dan keruntuhan Bait Suci, semua orang akan mengetahui bahawa apa yang dinubuatkan oleh Yeremia itu benar. Kalau nubuat seorang nabi digenapi mereka harus mendengar. (Ulangan 18:22; Yeremia 42:1-6)
4. Seorang nabi yang menurut Tuhan biasanya akan dipenuhi dengan Roh Kudus. (Zakharia 7:12; Yehezkiel 2:2)

Bahagian C : Sifat-Sifat Seorang Nabi

1. Seorang nabi benar biasanya hidup kudus dan berkenan kepada Tuhan. (Yesaya 6:5-7)
2. Seorang nabi biasanya tidak berkhotbah demi wang. (Amos 7:14)
3. Nabi-nabi palsu tidak menjunjung Tuhan. Mereka akan memakai pelbagai jenis azimat dan magik untuk menarik perhatian orang lain. Selain itu, mereka bernubuat demi mendapat wang dan tidak bersabda yang benar. Orang yang salah dikatakan benar dan orang yang benar, dikatakan salah. (Yehezkiel 13:17-19)
4. Dia berhati seorang gembala dan akan menyampaikan nubuat penghukuman dengan sedih dan berdoa agar mereka dapat kembali kepada Tuhan. (Yeremia 10:1-5)

Bahagian D: Empat Aspek Nubuatan

Para nabi selalu menghadapi umat Tuhan dengan dosa dilakukan oleh mereka dan bernubuat tentang penghukuman yang menjelang. Kadangkala nubuat nabi-nabi menjangkau sehingga ke kelahiran Tuhan Yesus atau Hari Tuhan yang akan datang dalam sejarah manusia.

- a. Nubuat tentang keadaan semasa—Yeremia 5:1; Hosea 4:2
- b. Tawanan/pembuangan/pemulihan—Yeremia 15:3-4, Yehezkiel 34:28; Amos 1:6
- c. Nubuat Kristus Yesus—Yesaya 7:14; Zakharia 9:9
- d. Surga dan bumi baru—Yoel 2:28;



Renungan Peribadi

Biar para peserta merenungi bahagian ini dan kemudian berpasangan dengan orang lain untuk berkongsi. Jelaskan kita dipanggil juga untuk menolong orang mengenal Tuhan atau menolong mereka yang meninggalkan Tuhan untuk kembali ke hadirat-Nya



Doa

(Lihat Lembar Kerja Peserta)

Sesi 2 : Amos : Nabi Penghukuman & Pengharapan**Objektif-Objektif Sesi**

1. Memahami berita keadilan yang disampaikan oleh Amos sekilas pandang.
2. Memahami bagaimana bangsa Israel harus beribadah kepada Tuhan dengan ikhlas.
3. Memahami bagaimana mereka boleh menerapkan keadilan dalam kehidupan sehari-harian.

**Penjelasan Tentang Amos**

Amos ialah seorang nabi yang hidup pada kira-kira 750 SM. Ketika itu, keadaan bangsa Israel makmur dan tenteram. Ramai orang menganggap kekayaan mereka sebagai tanda mereka ialah biji mata Tuhan yang disayangi dan diberkati. Mereka lupa bahawa sebagai umat Tuhan, mereka berkewajipan untuk hidup menurut kehendak-Nya. Di tengah-tengah kemakmuran mereka, mereka terlibat dalam dosa penindasan, makan suap, pelakuan yang tidak bermoral, merampas hak orang miskin, dan tidak menghormati tempat ibadah.

Amos melihat penyakit rohani yang tenat ini dan memberi amaran bahawa penghukuman Tuhan yang berada di ambang pintu umat Tuhan. Dia berani menegur mereka dengan keras. Pada lahiriahnya mereka beragama, tetapi kalau diselidiki dengan jujur mereka kekurangan keadilan.

**Pencetus Minat**

Galakkan para peserta untuk melakar lambang-lambang penglihatan dari Kitab Amos Bab 7-9 dan menggantungkan lukisan mereka dalam kelas. Minta para peserta menulis sepatah dua mengenai lukisan mereka. Pamerkan lukisan dan penjelasan di empat sudut dinding, bergerak di dalam kelas bersama para peserta dan mendengar penjelasan setiap kelompok tentang lakaran mereka.

**Aktiviti Bersama**

Galakkan para peserta anda mencari ayat-ayat sesuai dan menjelaskan apa yang mungkin dikatakan oleh Amos terhadap dosa yang disebutkan.

1. Cari yang baik (Amos 5:14)

2. Tegakkan keadilan (Amos 5:15)
3. Biar keadilan dan kebenaran mengalir dalam segala sudut kehidupan (Amos 5:24)



Renungan Firman Tuhan

1. Peternak domba dari Tekoa, dan juga pemugut buah ara hutan. Dia melayani Tuhan walaupun dia tidak berasal daripada golongan nabi kerana Tuhan telah memilihnya. (Amos 1:1; 6:14,15)
2. Mereka menjual orang kerana wang, menindas orang miskin dan pelacuran. Perhubungan mereka dengan manusia tidak sehaluan dengan ibadah mereka dan Tuhan membenci persembahan mereka. (Amos 2:6-8)
3. Sebagai bangsa pilihan Tuhan mereka seharusnya menjadi saksi yang baik kepada bangsa-bangsa di sekeliling mereka tetapi mereka sebaliknya melakukan yang jahat. (Amos 3:14)
4. Mereka melakukan persembahan demi mengheboh nama mereka. (Amos 4:5)
5. Menegakkan keadilan dalam kehidupan mereka dan melakukan yang baik dan benar. (Amos 5:24; Amos 5:14,15)
6. Tuhan akan membangun reruntuhan mereka dan mendirikan mereka. Tanah mereka akan diberkati dan Tuhan akan memberi mereka kuasa lagi. Mereka tidak akan lagi ditakluk atau dibawa ke dalam pembuangan. (Amos 9:11-15)



Renungan Peribadi

Biarlah para peserta merenungi adakah mereka menerapkan keadilan dalam kehidupan mereka. Suruh mereka merenungi adakah mereka adil terhadap Tuhan mahupun orang di sekeliling mereka. Adakah dalam perbualan mereka menggambarkan keadilan terhadap orang lain, adakah urusan perniagaan mereka menampakkan keadilan, adakah mereka adil terhadap orang miskin dan adil juga terhadap hak mereka.



Doa

(Lihat Lembar Kerja Peserta)



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami Tuhan mengasihi semua bangsa di dunia.
2. Memahami perbezaan antara sikap Yunus yang membenci dan Tuhan yang mengasihi.
3. Memahami kepentingan menyampaikan berita baik kepada dunia tanpa memperhitungkan budaya mahupun agama mereka.



Penjelasan Tentang Yunus

Cerita kitab Yunus bukanlah tentang seekor ikan paus. Cerita itu bukanlah tentang Yunus dan ikan tetapi Yunus dan Tuhan. Tuhan telah memanggil Yunus pergi ke Ninewe untuk memberitakan Injil tetapi Yunus tidak suka penduduk Niniewe dan sengaja mengikut arah yang bertentangan dengan panggilan Tuhan.

Tuhan tidak melepaskan dia begitu sahaja dan mengirim angin badai untuk menghalang Yunus. Kelasi kapal itu kemudian melemparkan Yunus ke dalam laut untuk menenangkan hati Tuhan dan gelombang lautan. Yunus pergi ke Ninewe dan memperingatkan penduduknya untuk bertaubat daripada kejahatan mereka. Di luar dugaan Yunus, penduduk Ninewe bertaubat dan menerima Tuhan. Yunus begitu marah dengan pertaubatan mereka!



Pencetus Minat

Ceritakan beberapa sikap nabi-nabi sewaktu mereka dipanggil oleh Tuhan untuk pelayanan yang sulit. Moses, Yeremia, Yunus, dan Amos mempunyai ketegangan sewaktu Tuhan memanggil mereka untuk pelayanan.

1. Musa mengatakan siapakah dirinya sehingga dia boleh menghadap Firaun. (Keluaran 3:11) Dia meragukan penerimaan umat Israel atas panggilannya dan juga ketidakmampuannya untuk bicara. (Keluaran 4:10)
2. Yeremia merasa dirinya terlalu muda dan tidak mampu menanggung pelayanan itu. (Yeremia 1:6)
3. Amos merasa dirinya hanya seorang penternak dan tidak terlalu layak tetapi Tuhan memanggil dia. (Amos 6:14-15)

4. Yunus berlari dari panggilan Tuhan kerana dia tidak suka kepada orang Ninewe dan benci terhadap mereka.



Aktiviti Bersama

Bincang dengan para peserta anda tentang apa yang suka dilakukan dan apa yang tidak suka dilakukan oleh mereka. Bincang tentang apa yang dilakukan oleh mereka seandainya Tuhan menyuruh mereka melakukan sesuatu yang tidak disukai oleh mereka.

Jelaskan Yunus yang dipanggil Tuhan untuk melayani bangsa yang tidak disukainya. Dia telah menaiki kapal dan berlayar ke arah yang berlainan.



Renungan Firman Tuhan

1. Yunus tidak bersetuju dengan panggilan Tuhan kerana dia membenci orang Ninewe dan tidak terbeban untuk pertaubatan mereka. (Yunus 4:1)
2. Ketika aku letih lesu, aku teringat kepada Tuhan dan menaikkan doaku kepada Tuhan. Keselamatan aku datang daripada Tuhan. (Yunus 2:1-10)
3. Yunus menyuruh mereka berkabung, berpuasa dan bertaubat agar tidak menghukum mereka. Mereka harus tinggalkan segala rancangan mereka yang jahat supaya Allah tidak melaksanakan rencana jahat ke atas mereka. (Yunus 3:5-9)
4. Mereka telah bertaubat dan menyesal atas dosa mereka. (Yunus 3: 5-9)
5. Allah sangat panjang sabar terhadap penduduk Ninewe dan memberi mereka kesempatan kedua. Yunus pula tidak mahu penduduk Ninewe bertaubat.
6. Yunus begitu marah ketika melihat penduduk Ninewe berpaling kepada Tuhan kerana dia tidak menyukai mereka, Tuhan sangat menyayangi kota Ninewe yang tidak tahu antara baik dan buruk. (Yunus 4:6-11)



Renungan Peribadi

Galakkan para peserta anda untuk mengabarkan khabar baik kepada kawan-kawan mereka. Anda boleh memberi mereka empat hukum rohani atau bahan-bahan lain yang boleh menolong mereka.



Doa

Bahagikan para peserta kepada dua kelompok dan suruh mereka berdoa untuk kawan-kawan mereka. Anda juga boleh melihat doa yang tersedia di Lembar Kerja peserta.

Sesi 4 : Hosea : Nabi Yang Setia



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bahawa perhubungan umat Tuhan boleh diibaratkan seperti satu perkahwinan.
2. Memahami bahawa Tuhan selalu setia dalam perkahwinan ini dan umat Tuhan selalu tidak setia.
3. Memahami bahawa Tuhan ingin perhubungan dengan-Nya selalu akrab dan setia.



Penjelasan Tentang Hosea

Cerita tentang nabi Hosea merupakan cerita yang paling menarik. Dia diperintahkan untuk berkahwin dengan Gomer seorang pelacur yang membawa banyak masalah dalam perkahwinan mereka. Gomer tidak setia kepada nabi Hosea dan sering meninggalkannya. Hosea akan membelinya dan membawanya pulang. Orang lain menduga Hosea ini gila tetapi Hosea sangat mencintai Gomer. Bagaimanakah cinta Hosea boleh melambangkan kasih Tuhan terhadap umat-Nya? Perhubungan Tuhan dengan umat-Nya ibarat satu perkahwinan di mana Dia selalu bertindak setia.



Pencetus Minat

Setiap peserta akan menulis tentang kesetiaan mereka kepada Tuhan dengan menggunakan objek sebagai contoh. Contohnya bunga layu kalau tidak disiram (kurang membaca firman-Nya, lemah dalam iman) ...contoh kedua kalau lalang tidak dicabut di taman bunga, bunga akan tercekik (tabiat buruk seperti berbohong mesti dicabut agar tidak menjejaskan perhubungan dengan Tuhan dan manusia).



Aktiviti Bersama

1. Hosea 4:16 - Hati umat Tuhan degil dan keras bagaikan keldai.
2. Hosea 7:8 - Kaum Israel adalah seperti roti yang setengah masak.
3. Hosea 9:16 - Kaum Israel adalah seperti pokok yang akarnya sudah kering dan tidak berbuah.
4. Hosea 13:3 - Orang Israel akan lenyap seperti kabut pagi, seperti embun pagi yang mongering bila matahari terbit.
5. Hosea 6:1 - Tuhan akan membalut luka-luka kita
6. Hosea 6:3 - Tuhan akan menjadi seperti hujan di tanah yang kering.

7. Hosea 14:5-Kesetiaan Tuhan akan menjadi seperti fajar menyinsing dan musim bunga yang membasahi tanah.



Renungan Firman Tuhan

1. Tidak, Tuhan telah menggunakan kehidupan Hosea sebagai lambang kepada seluruh bangsa Israel bahawa Dia telah mengikat perjanjian kasih dan tali kesetiaan dengan mereka. Perhubungan umat Tuhan dengan Tuhan diibaratkan seperti perhubungan perkahwinan di mana Tuhan tidak pernah meninggalkan kasih-Nya. (Hosea 11:4)
2. Belas kasihan dan sifat yang selalu menunjukkan anugerah memang ada pada sifat Allah. Walaupun Dia Allah yang kudus dan tegas, belas kasihan telah menyebabkan Dia menghulurkan tangan kasih-Nya sehingga mereka kembali ke naungan kasih-Nya. Dia juga akan memberkati mereka lagi sehingga mereka berkembang lagi. (Hosea 11:8)
3. (a) Lo-Ruhamah bererti Tuhan menyayangi. (Hosea 2:22)
(b) Lo-ammi bererti bukan umat-Ku (Hosea 1:8-9)
4. Tuhan akan memulihkan mereka dan mengembalikan mereka dalam kasih-Nya serta memberkati mereka. Mereka akan menjadi bangsa kesayangan-Nya dan mengenal Tuhan dengan lebih mendalam. (Hosea 2:19-23)
5. Mereka mendapat penghukuman kerana itulah cara Tuhan mendisiplin mereka sehingga mereka menyedari kekudusan Tuhan. (Hosea 14:1)



Renungan Peribadi

Berilah waktu kepada para peserta anda untuk memikirkan kesetiaan mereka kepada Tuhan dan orang lain. Galakkan mereka untuk setia selalu kerana kesetiaan akan membawa berkat dalam kehidupan mereka dan kehidupan orang lain.



Doa

(Lihat Lembar Kerja Peserta)

Sesi 5 : Yehezkiel : Nabi Penglihatan Misterius



Objektif-Objektif Sesi

1. Untuk memahami bahawa dosa umat telah menyebabkan kemuliaan Tuhan meninggalkan mereka.
2. Untuk memahami bahawa Tuhan akan menjatuhkan penghukuman atas umat-Nya untuk mendisiplin mereka.
3. Untuk memahami bahawa Tuhan mempunyai rancangan pemulihan bagi umat-Nya.



Penjelasan Tentang Yehezkiel

Yehezkiel banyak menyampaikan nubuat dan firman Tuhan dalam bentuk perumpamaan, alegori dan lambang agar umat Tuhan memahami saat yang genting dalam sejarah mereka. Dia menjelaskan setiap penglihatannya dengan jelas bahkan Tuhan telah memegang jambul rambutnya ke Yerusalem untuk melihat apa yang dilakukan pemimpin-pemimpin di Yerusalem.

Yehezkiel melayani umat Tuhan di Babel sewaktu mereka dibawa ke dalam pembuangan. Yeremia melayani Tuhan di Yerusalem kepada umat Tuhan yang tidak dibawa ke dalam pembuangan. Sekalipun, Yehezkiel berada di Babel, dia menjelaskan tentang penghukuman yang akan datang kepada umat Tuhan di Yerusalem. Tujuan penyampaian firman Tuhan ialah supaya umat Tuhan mengetahui Siapakah Tuhan mereka. Walaupun penghukuman berat telah menimpa umat Tuhan, Dia tetap akan memulihkan mereka dan membawa mereka kembali ke tanahair mereka.



Pencetus Minat

Bawa kertas lukis, pen pewarna ke kelas. Bahagikan para peserta kepada beberapa kelompok kecil. Mereka akan bertanding untuk melukis dan mewarnai apa yang dilihat oleh Yehezkiel dalam bab satu.

Galakkan mereka mewarnainya dengan warna yang tepat seperti yang dijelaskan dalam bab satu, suatu takhta yang mulia, permata lazurit berwarna biru tua, hablur ais.

Gantungkannya dalam kelas untuk memotivasi para peserta anda.



Aktiviti Bersama

1. Lambang Pengepungan—Yerusalem akan dikepung Negara Babel sehingga penduduknya mati kelaparan, mati penyakit sampar, dan dibunuh.
2. Lambang Pembuangan Israel—Yehezkiel mengambil barangnya, keluar dari rumah, buat satu lubang pada tembok, dan pura-pura keluar dari sana tergesa-gesa.
3. Perumpamaan Pokok Anggur Yang Tidak berguna—Umat Tuhan tidak berbuah baik dalam kehidupan mereka. (Mereka tidak hidup menurut kehendak dan hukum-hukum Tuhan seperti yang diharapkan. Seharusnya mereka harus jadi saksi Tuhan dan bukan mengikut gaya hidup Negara-negara lain.)
4. Lambang Pedang Melawan Yerusalem—Kesengaraan umat Tuhan dalam tangan Tuhan. (Mereka berfikir mereka adalah anak kesayangan Tuhan yang tidak pernah akan dihukum-Nya.)
5. Alegori Oloha dan Oholiba—Yerusalem dan Samaria yang tidak berhutang budi.(Walaupun Tuhan sudah mengeluarkan mereka daripada Mesir dan mengikat perjanjian dengan mereka namun mereka tetap menyeleweng dalam kehidupan mereka.)
6. Perumpamaan Kualiti Berkarat—Kemosotan akhlak pemimpin-pemimpin Yehuda dan rakyat yang berada di Yerusalem. (Mereka berfikir oleh kerana mereka tidak dibawa sebagai tawanan ke pembuangan mereka terselamat)
7. Lambang kematian isteri Yehezkiel—Kejatuhan Yerusalem tidak dapat diratapi kerana mereka ketakutan akan Nebukadnezar dan tenteranya.
8. Lambang kapal terpecah menjadi dua—Negara Tirus akan hancur kerana keangkuhan mereka pada hari penghukuman Tuhan.
9. Perumpamaan Gembala Yang Baik—Kerajaan Israel yang dipulih dan semua orang tidak akan menderita di bawah pemimpin-pemimpin yang buruk.Juga mengandungi nubuatan Mesias, Tuhan Yesus, Gembala yang Baik.
10. Lambang-Lambang Tulang-Tulang Kering—Pembaharuan rohani yang akan datang.
11. Lambang Sungai Yang Keluar Dari Bait Suci—Pemulihan yang akan datang akan mendatangkan berkat kelimpahan kepada tanaman, hasil lautan dan kehidupan rohani.



Renungan Firman Tuhan

Bahagian A : Siapakah Yehezkiel?

1. Yehezkiel dilatih untuk menjadi seorang imam dan dia adalah anak Buzi dari keturunan Harun. (Yehezkiel 1:3)
2. Pada waktu memulakan pelayanan, Yehezkiel berada dalam pembuangan di Babel yang tinggal di sepanjang sungai Kebar. (Yehezkiel 1:1; 3:15)
3. Keinginan hatimu. (Yehezkiel 24:15)
4. Yehezkiel berumur 30 tahun iaitu umur sewaktu seseorang yang dilatih dalam hal urusan seorang imam akan dipanggil untuk melayani. Tuhan memanggil dia untuk menjadi seorang nabi. (Yehezkiel 1:1)
5. Tuhan telah memanggil dia untuk menjadi seorang penjaga yang memberitahu keadaan rohani umat Tuhan yang semakin merosot dan betapa penting untuk bertaubat kerana penghukuman dekat di ambang pintu. (Yehezkiel 33:2)

Bahagian B: Berita Penghukuman (Memahami Satu Perumpamaan)

1. Tuhan membanding umat Tuhan sebagai umat yang tidak berguna dan tidak menghasilkan sifat-sifat yang berkenan kepada Tuhan. Kayu anggur memang tidak boleh digunakan untuk apa-apa, demikian juga, mutu umat Tuhan. (Yehezkiel 15:3)
2. Tuhan telah menyelamatkan mereka dari perbudakan di Mesir dengan mukjizat-mukjizat yang ajaib. Mereka tidak teringat akan segala pemeliharaan Tuhan dan perlindungan Tuhan. (Keluaran 4)
3. Tuhan yang menjatuhkan penghukuman ini. (Yehezkiel 15:7) Tuhan menjatuhkan penghukuman ini kerana Dia menginginkan perubahan dalam kehidupan bangsa Israel.
4. Tuhan telah melakukannya kerana mereka telah berubah dalam kesetiaan mereka padahal mereka pernah mengikat perjanjian dengan Tuhan untuk setia dan menurut segala perintah yang ditetapkan oleh Tuhan. (Yehezkiel 15:8)

Bahagian C : Penggenapan Dan Pemulihan

1. Mereka mengatakan Yehezkiel sedang berkemundang lagu syair dan sedang memainkan kecapi dan sama sekali tidak ingin menurut segala yang disabdakan oleh Tuhan. (Yehezkiel 33:32)

2. Apabila nubuat Tuhan digenapi mereka akan mengetahui bahawa segala nubuat Yehezkiel itu benar. Sewaktu seorang pembawa khabar baik datang ke Babel dan memberitakan bahawa Yerusalem dan Bait Tuhan sudah jatuh, mereka akan mengetahui kebenaran firman Tuhan. (Yehezkiel 33:33)
3. Tuhan akan mengumpulkan sisa umat Tuhan dari pelbagai negara di mana mereka terselerak dan pada waktu itu mereka boleh merasa bangga di depan bangsa-bangsa lain. (Yehezkiel 39:27)
4. Tuhan akan memulihkan dan mentahirkan mereka serta membuat tanah mereka berkelimpahan dengan hasil tanaman yang lumayan. (Yehezkiel 47:9-11)



Renungan Peribadi

Jelaskan kepada para peserta bahawa sebagai anak Tuhan yang diselamatkan oleh Tuhan Yesus, mereka diharapkan berbuah baik bagi Tuhan. Tuhan Yesus akan menolong mereka untuk berbuah kerana Dialah pohon anggur dan kita adalah ranting-rantingNya. Kita berusaha berbuah dengan membaca firman-Nya dan menurut suara-Nya. Bersekutu dengan orang-orang yang mengasihi Tuhan juga boleh menolong mereka berbuah. Mereka tidak boleh menjadi seperti umat Tuhan pada zaman Yehezkiel yang tinggal dalam dosa dan menyembah berhala sehingga hidup mereka tidak berbuah dan tidak berguna.



Doa

(Latih Lembar Kerja Peserta)

Sesi 6: Yeremia : Nabi Peratap



Objektif-Objektif Sesi

1. Untuk memahami pelayanan nabi Yeremia kepada bangsa Israel yang giat menyembah berhala
2. Untuk memahami disiplin seorang nabi untuk menunaikan panggilannya
3. Untuk memahami penderitaan yang dihadapi oleh Yeremia ketika melayani Tuhan



Penjelasan Tentang Yeremia

Raja Yoyakim merupakan raja yang paling jahat dan tidak beriman. Nabi Yeremia melayani pada waktu dia memerintah Negara Israel. Di bawah pemerintahannya, penyembahan berhala berleluasa. Penduduk Israel mengikut teladan raja dan tidak mepedulikan Tuhan dalam kehidupan mereka. Yeremia menghadap raja Yoyakim serta menyampaikan amaran Tuhan bahawa Tuhan akan menghukum dia dan semua rakyat yang melakukan kejahatan. Raja mengamuk lalu memerintahkan agar Yeremia dibunuh tetapi teman-teman nabi Yeremia melindunginya.

Yeremia mengalami banyak kekecewaan dan dia dilarang menyampaikan firman Tuhan di Bait Suci. Yeremia menyuruh Barukh menulis dalam gulungan dan membaca di Bait Suci. Raja Yoyakim menyita gulungan itu dan melemparkannya dalam api. Yeremia mengalami banyak penganiayaan dan ancaman jiwa namun Tuhan tetap menyelamatkannya.



Pencetus Minat

1. Anda boleh menayangkan satu klip filem tentang misi di satu negara yang menghadapi penganiayaan dan penderitaan.
2. Anda boleh menceritakan penderitaan bahkan kematian syahid yang pernah dialami oleh misionari.
3. Contoh-Penganut Kristian dalam masyarakat Rom menghadapi banyak penderitaan, penganiayaan dan kadangkala dijadikan kambing hitam. Masyarakat Rom membenci dan mengancam mereka kerana mereka hidup kudus, saling mengasihi, menjaga orang miskin, tidak menindas yang miskin, tidak menipu dalam urusan perniagaan dan malah melayani musuh mereka dengan kasih. Rasul

Paulus telah dilemparkan ke dalam penjara dan dijatuhkan hukuman mati.



Aktiviti Bersama

Bawalah pelbagai pensel pewarna ke kelas. Firman Tuhan biasanya disampaikan dalam pelbagai imej, perumpamaan dan penglihatan yang boleh dilakar untuk meningkat imaginasi dan pemahaman para peserta anda.

1. Tuhan bagaikan pembuat pasu yang begitu sabar. Walaupun umat Tuhan banyak masalah, Dia tetap membentuk mereka. Lukis tukang periuk dan banyak periuk atau pasu-pasu...(Yeremia 18:1-8)
2. Buli-buli (Pasu) yang besar dipecahkan...kehancuran dan pembinasaan dahsyat yang akan dihadapi sewaktu diserang Babel. Kota itu akan dibinasakan dan mereka akan dibawa dalam pembuangan buat kali yang kedua. (Yeremia 19:1-13)
3. Tunas pokok atau pucuk yang baru bertumbuh. Imej ini sering dipakai nabi-nabi untuk menunjukkan kedatangan Tuhan Yesus ke dunia. (Yeremia 23:5-6)
4. Yeremia diperintahkan untuk membeli sebidang lading untuk menunjukkan penyelamatan dan pemulihan yang akan datang kelak sesudah penghukuman. (Yeremia 32:9-15)



Renungan Firman Tuhan

Bahagian A : Siapakah Yeremia

1. Yeremia berkata dia terlalu muda dan tidak pandai bercakap. Dia mungkin berfikir bahawa dia terlalu muda, kekurangan pengetahuan dan kemampuan untuk menghuraikan sesuatu seperti yang diharapkan daripada seorang nabi.
2. Tuhan berjanji akan menyertai dan melepaskan Yeremia sewaktu dia dianiayai. Tuhan membuat dia begitu kuat sehingga dia seperti kota kubu, tiang besi dan tembok tembaga. Dia perlu berdiri teguh dan berani.
3.
 - a. Jangan ke tempat yang beria-ria seperti menonton, berdansa dan sebagainya
 - b. Jangan beristeri atau beranak sebagai tanda wanita dan kanak-kanak akan turut menderita.

- c. Jangan ke rumah perkabungan sebagai tanda bahawa Tuhan telah menarik damai sejahtera-Nya.
- d. Jangan ke perjamuan, jangan bersukacita sebagai tanda keseriusan zamannya dan beritanya.

Bahagian B : Pelayanan Yeremia

1. Negara yang disebutkan oleh nabi Yeremia adalah negara Babel yang akan meruntuhkan Yerusalem dan membawa mereka ke pembuangan buat kali yang kedua. (Yeremia 1:13)
2. Mereka datang ke rumah ibadah untuk memuji Tuhan dan mengatakan mereka selamat walaupun mereka mencuri, membunuh, berzina dan bersumpah palsu. (Yeremia 7:8-11)
3. Mereka semua hanya mencari keuntungan daripada yang kecil hingga ke besar semua berkelakuan yang sama dan tidak jujur dalam urusan mereka. (Yeremia 6:13-15)
4. Tuhan menyuruh Yeremia membeli sebidang ladang untuk melambangkan kepulungan mereka ke tanahair serta pemulihan umat Tuhan selepas penghukuman yang dialami. (Yeremia 32:44)
5. Raja Zedekia dibawa sebagai tawanan ke Babel dan dia juga dibutakan. (Yehezkiel 39:5)

Bahagian C : Penderitaan Yeremia

1. Mereka cuba membunuh Yeremia dan mengancam dia untuk tidak bernubuat bagi Tuhan. (Yeremia 11:21)
2. Pashur memukul Yeremia lalu memenjarakan Yeremia di atas rumah Tuhan. (Yeremia 20:1-2)
3. Mereka memasukkan Yeremia ke dalam perigi yang berlumpur. (Yeremia 38:6)
4. Yeremia dijadikan tawanan dan diolokkan oleh orang sepanjang hari. (Yeremia 20:7)
5. Dia mengutuk hari kelahirannya kerana Yeremia merasa terlalu siksa dalam pelayanannya dan mungkin itu merupakan cara untuk mengutarakan keluh kesahnya. (Yeremia 20:15-18)



Renungan Peribadi

Bincang bersama para peserta tentang tentangan dan penganiayaan yang mungkin dihadapi mereka ketika menyampaikan firman Tuhan. Jika para peserta tidak pernah bersaksi mahupun berkongsi firman Tuhan dengan orang lain, galakkan mereka tanpa perasaan takut. Jelaskan kepada mereka bahawa penganiayaan memang sesuatu yang sudah lazim terjadi sejak zaman orang Kristian yang pertama.

Sesi 7: Yesaya : Nabi Injili



Objektif-Objektif Sesi

1. Untuk memahami bahawa kekuatan hanya berasal daripada Tuhan.
2. Untuk memahami keadaan rohani umat Tuhan sewaktu Yesaya berkhotbah.
3. Untuk menerapkan sebahagian petikan Yesaya dalam kehidupan mereka.



Penjelasan Tentang Nabi Yesaya

Nabi Yesaya berasal dari keluarga bangsawan. Dia merupakan tokoh terkemuka kerana dia memiliki keperibadian yang menonjol dan seorang penasihat raja yang arif. Ketika takhta Israel semakin melemah kerana dosa, Yehuda seakan-akan juga mengikut jejak langkah Israel. Yesaya, memberi amaran kepada Kerajaan Utara bahawa mereka tidak akan diselamatkan kalau mereka hanya bersandar kepada kekuatan ketenteraan. Mereka mesti beriman dan berpengharapan kepada Tuhan. Walaupun Yesaya berkhotbah dan memberi peringatan, kepada raja-raja, mereka berasa nabi Yesaya tidak menghadapi kenyataan.



Pencetus Minat

Perbincangan

“Kalau sebuah negara mahu hidup lama, negara itu mesti bersandar pada pegangan dan kepercayaannya, dan bukan pada kekuatan dan kekayaan militer.” Setujukah anda dengan pendapat ini? Kenapa ya dan kenapa tidak?



Aktiviti Bersama

- a. kegelapan, terang
- b. penasihat, kekal, damai
- c. sukacita, bersukacita
- d. umat-Nya, gembala
- e. matahari, kemuliaan
- f. buta



Renungan Firman Tuhan

1. Nabi Yesaya tidak bersalah kerana pada waktu itu perserikatan dengan negara-negara besar juga bererti mengikut cara penyembahan berhala mereka. Seringkali negara-negara yang lebih lemah terpaksa tunduk kepada kebudayaan dan gaya hidup negara yang kuat dalam perserikatan itu. Seringkali umat Tuhan ikut menyembah berhala negara yang lebih kuat seperti dewa matahari dan dewa kesuburan. (Yesaya 31:1)
2. Allah berkata Dia adalah seperti burung-burung besar dan mereka tidak perlu bersandar kepada kuasa lain untuk melindungi mereka daripada kecelakaan. Mereka tidak perlu bersandar kepada ketenteraan kuasa-kuasa besar. (Yesaya 31:5)
3. Mereka seakan-akan sangat rohani dan sering membawa korban ke Bait Suci tetapi Tuhan memandangnya jijik kerana tangan mereka berdosa dan kehidupan mereka jahat. Mereka tidak mahu ambil tahu tentang kemiskinan anak-anak yatim dan janda tetapi sebaliknya menindas mereka. (Yesaya 1:10-15)
4. Enam celaka yang disampaikan orang yang tamak dan mengambil segala untuk diri sendiri (Yesaya 5:8), mereka yang mabuk (Yesaya 5:11), mereka yang sama sekali tidak melayani Tuhan (Yesaya 5:12), mereka yang sombong (Yesaya 5:15), mereka yang memancing kesalahan dengan dusta (Yesaya 5:18), dan orang yang tidak tahu membezakan antara baik dan buruk (Yesaya 5:8-23).
5. a. Tuhan akan mematahkan semua penindasan yang datang ke atas mereka.
 b. Tiga pendekatan yang dipakai oleh Tuhan:
 - Mereka akan mengalami sukacita (Yesaya 9:2).
 - Tuhan akan memberi mereka kekuasaan, keadilan dan kedamaian. (9:5)
 - Firman-Nya akan dihidupkan kembali (9:7)
- c. Selain dari pemulihan yang dijanjikan pada waktu itu, Yesaya sedang bernubuat tentang kerajaan yang akan datang apabila Raja Damai memerintah. Kerajaan itu akan menjadi kerajaan yang damai dan diperintahkan oleh Allah. (Yesaya 9:6)



Renungan Peribadi

Berikan para peserta waktu untuk merenungi firman Tuhan dan menerapkannya secara praktis. Mereka boleh saling berkongsi dan berdoa dalam pasangan.

Sesi 8: Dari Hati Hingga Ke Minda



Objektif-Objektif Sesi

1. Untuk memahami tujuan penulisan kitab-kitab hikmat & bidalan.
2. Untuk mengenal sepintas lalu tentang corak dan gaya penulisan
3. Untuk memahami sepintas lalu mesej dan tema dalam kitab hikmat dan bidalan



Penjelasan

Gaya dan penulisan kitab-kitab hikmat dan bidalan agak berlainan daripada kitab-kitab lain dalam Alkitab khususnya dalam penyampaian dan bahasanya. Kitab-kitab hikmat dan bidalan tidak memakai naratif yang panjang tetapi menggunakan sajak, syair, dan pepatah yang kaya dengan metafora, simile, kiasan-kiasan, dan irama.

Sajak-sajak Ibrani mempunyai tiga jenis. Sajak yang berbentuk lirik yang boleh disertai dengan kecapi (Mazmur). Sajak yang berbentuk seperti peribahasa yang mengandungi unsur mengajar seperti prinsip-prinsip hidup (Amsal, Pengkhotbah). Ketiga, kitab yang dituliskan dalam bentuk dramatik atau dialog agar apa yang ingin diajarkan dapat disalurkan (Kidung Agung dan Ayub).



Pencetus Minat

Kuiz Mudah

Kitab manakah yang menjawab pertanyaan-pertanyaan ini?

1. Kenapakah saya berada di sini? (Pengkhotbah)
2. Bagaimanakah saya mengasihi? (Kidung Agung)
3. Bagaimanakah saya harus hidup? (Amsal)
4. Kenapakah penderitaan boleh melandai orang yang baik? (Kitab Ayub)
5. Bagaimana saya boleh mendekati Tuhan? (Mazmur)
6. Kitab manakah yang mengajar kita bagaimana beribadah? (Mazmur)
7. Kitab ini khususnya mengajar tentang kekudusan bersama manusia. (Amsal)
8. Nikmati hidup ini tetapi ingat Pencipta. (Pengkhotbah)
9. Prinsip-prinsip cara bekerja yang bermutu-kerajinan dan kemahiran. (Amsal)

10. Kehidupan ini ada pelbagai musim. (Pengkhotbah)
11. Wanita yang bijak dan baik. (Amsal)
12. Sekaranglah waktu untuk menyiapkan diri bagi kekekalan. (Pengkhotbah)
13. Cinta kasih yang suci. (Kidung Agung)
14. Pencurahan perasaan kepada Tuhan. (Mazmur)
15. Seruan kepada Tuhan sewaktu untuk meminta pertolongan. (Mazmur)
16. Jangan mengelapkan pemahaman seseorang dengan nasihat yang salah. (Ayub)
17. Bagaimana seorang saleh menghadapi penderitaan. (Ayub)
18. Syair yang kadangkala menceritakan sejarah bangsa Israel. (Mazmur)
19. Cara kehidupan dan kebijaksanaan kadangkala dibandingkan dengan binatang dan serangga. (Amsal)
20. Kasih antara pengantin dan mempelai. (Kidung Agung)



Aktiviti Bersama

1. Mazmur - Jawapan 5
2. Ayub - Jawapan 4
3. Amsal - Jawapan 2
4. Pengkhotbah - Jawapan 1
5. Kidung Agung - Jawapan 3



Renungan Firman Tuhan

Bahagikan kumpulan anda kepada beberapa kelompok dan setiap kelompok akan mengambil sebahagian dari renungan firman Tuhan. Pilih seorang ketua yang boleh membimbing dikusi dan kemudian kumpulan mereka untuk membenteng bahagian mereka.

Bahagian A : Ayub

1. Iblis berpendapat bahawa Ayub sungguh saleh kerana Tuhan memberkati dia dengan kekayaan dan hidup yang damai. Iblis berkata Ayub hanya takut kepada Tuhan kerana dia mendapat banyak. Maksud iblis yang terselindung ialah apabila malapetaka menimpa kehidupannya, dia akan berubah. (Ayub 1:9-10)
2. Penderitaan datang bukan kerana Ayub tidak setia kepada Tuhan

dia menjunjung Tuhan-tidak memandang perempuan lain, memperhatikan anak-anak kecil, keperluan orang miskin, keperluan janda, dan anak yatim. (Ayub 31:1, 31:16-20; 31:21-28)

3. Jawapan Tuhan menjelaskan tentang kebijaksanaan Pencipta dan kecekatan pemahaman manusia. Kawan-kawan Ayub telah menggelapkan pemahaman dengan kepandaian sendiri. (Ayub 38:1-3; Ayub 38:4-7)
4. Ayub mengakui bahawa tanpa pengertian dia telah berkata-kata dan meminta pengampunan atas keluhan tentang penderitaannya walaupun dia tidak tahu maksud dalamnya. (Ayub 42:1-3)
5. Ayub telah melihat dan mengenal Tuhan dengan lebih baik. (Ayub 42:5-6)

Bahagian B : Mazmur

1. Perisai
2. Raja
3. Hakim
4. Tempat Perlindungan
5. Gembala
6. Penopang
7. Penyelamat
8. Gunung Batu
9. Penyayang
10. Batu

Bahagian C : Pengkhotbah

1. Kita tidak akan dapat kenikmatan hidup yang sejati kalau kita melakukannya tanpa menghiraukan Tuhan. (Pengkhotbah 2:25)
2. Allah yang melakukan dan menetapkan segala sesuatu; tidak ada yang dapat dikurangi dan tidak ada yang dapat ditambahkan. (Pengkhotbah 3:14)
3. Seseorang perlu berhati-hati kerana Allah bersama kita. Kita mesti berhati-hati agar percakapan kita tidak membawa dosa dan kalau kita bernazar jangan lupa menunaikan kepada Tuhan atau kalau kita berjanji sesuatu dengan Tuhan, jangan lupa menepatinya. (Pengkhotbah 5:1-5)
4. Yang penting dalam hidup ini ialah takut akan Allah dan memegang kepada segala perintah-Nya. (Pengkhotbah 12:13)
5. Kita mesti selalu mengingat kepada Pencipta kita. (Pengkhotbah 12:1)

Bahagian D : Amsal

1. Amsal bermaksud untuk memberi kita bahan pertimbangan, hikmat dan didikan untuk membuat kita lebih bijak. (Amsal 1:5-7)
2. Mata sombong, lidah dusta, tangan yang menumpahkan darah, hati yang berencana jahat, kejahatan, saksi dusta. (Ayub 6:16-18)
3.  Semut : kerajinan (mencari makanan setiap musim)
 Pelanduk : lemah tetapi rumahnya di bukit batu (ada kemahuan)
 Belalang : teratur dan terurus sekalipun tidak mempunyai raja (disiplin diri)
 Cicak : dapat tinggal di istana (melakukan sesuatu yang mustahil)
4. Orang yang hobinya suka tidur akan mengalami kelaparan dan juga akan menjadi miskin. (Amsal 20:13)
5. Orang yang beruban walaupun tidak sekuat para pemuda, mereka lebih bijaksana. (Amsal 20:29)



Renungan Peribadi

Galakkan para peserta untuk memilih Amsal atau Mazmur yang boleh diterapkan dalam kehidupan mereka. Mereka digalakkan untuk menulis bagaimana Amsal/Mazmur ini relevan kepada kehidupan mereka. Contohnya kalau mereka sungguh malas mereka boleh menulis 'saya akan menjadi rajin seperti semut yang rajin mencari rezeki tanpa mepedulikan musimnya.'



Doa

Berikan setiap kelompok anda peluang untuk memilih salah satu Mazmur yang boleh dijadikan bahan doa dan pujian mereka.

OBOR BELIA

Siri buku OBOR Belia yang diterbitkan oleh Wawasan Penabur Sdn. Bhd. ini mengandungi tema-tema utama iman Kristian dan isu-isu praktikal yang dihadapi oleh pemuda-pemudi zaman sekarang. Sebanyak 25 buku dalam Siri OBOR Belia yang merangkumi kurikulum 5 tahun telah dirancang untuk kegunaan pemuridan dan persekutuan belia.

Ada empat kategori utama untuk siri OBOR ini: *Asas-asas Iman, Kehidupan dalam Kristus, Isu-Isu Praktikal* dan *Cara Menghadapi Kepercayaan-Kepercayaan Lain*. Semua pelajaran telah ditulis dengan lengkap dan sistematik, mengandungi ajaran Alkitab yang kukuh, bersifat interaktif dan sedia digunakan oleh para pembimbing dan belia.

Buku yang kesebelas, **"Tinjauan Perjanjian Lama (Bahagian II)"** adalah lanjutan daripada buku **"Tinjauan Perjanjian Lama (Bahagian I)"**, yang bertujuan memberi gambaran besar yang boleh menolong para belia mentafsir dan memahami Alkitab dengan tepat. Mereka akan mempelajari bagaimana Allah memanggil nabi-nabi pada waktu yang berbeza kepada umat Tuhan dan apakah tema yang disampaikan. Selain daripada itu, mereka juga akan dapat mempelajari bagaimana menerapkan berita para nabi ini dalam kehidupan kita pada masa kini. Harapan kami adalah semoga buku-buku ini akan menguatkan lagi iman kita terutama apabila menghadapi masa-masa yang sukar dan mencabar. Mesej-mesej para nabi masih relevan di zaman ini.



"Didiklah orang muda menurut jalan yang patut baginya, maka pada masa tuanya pun ia tidak akan menyimpang dari pada jalan itu" (Amsal 22:6).

"Pendekatan buku ini sungguh segar. Aktivitinya yang kreatif dapat menawan minat belia. Kurikulum OBOR Belia yang ditulis menurut konteks kebudayaan Malaysia serta memberi penekanan praktikal sungguh berguna bagi pertumbuhan belia. Saya yakin bahawa kurikulum ini akan menolong mereka untuk berdiri teguh dalam iman, dan membimbing mereka untuk menyumbang terhadap pembangunan masyarakat yang bermoral, bersifat penyayang dan berperihatin."

Rev. Daniel Raut, Presiden Sidang Injil Borneo (SIB) Semenanjung

"Masa depan gereja di Malaysia sangat bergantung kepada bagaimana kita mempersiapkan dan memuridkan generasi muda kita hari ini. Mereka adalah aset gereja yang sangat berharga dan merupakan calon pemimpin dalam pelayanan gereja pada masa akan datang. Kita memerlukan bahan pemuridan yang sistematik, menyeluruh dan menekankan pengajaran Firman Tuhan untuk melahirkan satu generasi yang kuat dan berdaya saing dalam dunia yang sangat mencabar ini. Saya ingin mendorong gereja-gereja berbahasa Malaysia dan Orang Asli (OA) menggunakan OBOR Belia ini untuk tujuan memperdalamkan pemahaman Alkitab dan pembentukan supaya mereka boleh bertumbuh sebagai pengikut Kristus. Siri buku ini akan membantu melahirkan generasi muda orang Kristian yang mantap di Malaysia."

Alfred R. Tais, Setiausaha Eksekutif Komisi Bahasa Malaysia,
National Evangelical Christian Fellowship (NECF)

Harga: RM 6.00